



SIARAN MEDIA

UDA DAYAURUS METERAI PERJANJIAN KOLABORASI DENGAN GFM SOLUTIONS

Menyediakan Khidmat Pengurusan Fasiliti Bagi Projek BBCC

Pertama Kompleks, 1 Ogos - UDA Holdings Berhad (UDA) melalui anak syarikatnya UDA Dayaurus Sdn Bhd (UDSB) baru-baru ini telah memeterai perjanjian kolaborasi dengan GFM Solutions Sdn Bhd (GFMS) bertempat di Dewan Serbaguna UDA, Pertama Kompleks.

Melalui pemeteraian perjanjian kolaborasi yang ditandatangani antara YBhg Datuk Ahmad Tajuddin bin Mohamed; Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Pengurusan Aset UDA dengan YBrs Encik Ruslan bin Nordin, Pengarah Urusan Kumpulan GFMS ini, UDA dan GFMS akan bekerjasama mewujudkan persefahaman dari segi perkongsian dan kepakaran berhubung khidmat Perundingan Pengurusan Fasiliti Bangunan bagi Projek Mega Bukit Bintang City Centre (BBCC) milik UDA Holdings Berhad yang dibangunkan bersama EcoWorld dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Menurut YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA, "UDA amat bertuah pada hari ini kerana berpeluang untuk bekerjasama berkongsi kepakaran dengan GFM Solutions Sdn Bhd dalam melaksanakan Khidmat Perundingan Pengurusan Fasiliti bagi Projek BBCC. Berbekalkan pengalaman dan kepakaran selama

17 tahun dalam bidang pengurusan fasiliti bangunan dan pernah merangkul beberapa anugerah, GFM Solutions Sdn Bhd adalah merupakan rakan perniagaan strategik yang tepat buat UDSB terutamanya dalam persediaan untuk mengorak langkah lebih jauh dengan meneroka peluang-peluang yang ada dalam bidang pengurusan fasiliti di dalam dan juga luar negara.

“Saya juga yakin dengan kerjasama UDSB dan GFMS ini akan dapat meningkatkan lagi imej dan profil Projek ikonik BBCC yang bakal merubah landskap Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang dan seterusnya merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara sekali gus mempromosikan Malaysia di mata dunia,”

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Encik Mohd Izmi Md Said, Ketua Pegawai Eksekutif GFM Solutions Sdn Bhd dan pegawai-pegawai kanan GFMS serta pihak pengurusan kanan UDA.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Zetty Aqtar Abd Latiff (Zetty) | zetty.aqtar@udanet.com | +6018 222 6856
- Norazuana Abdullah (Wana) | norazuana@udanet.com | +6019 223 9153

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855